

18 INDIVIDU DITAHAN BUAT PROVOKASI MELAMPAU KETIKA OPERASI MUSNAH KEBUN DURIAN HARAM

KUANTAN, 05 JULAI 2021: Seramai 18 individu yang disyaki pekebun durian haram ditahan kerana telah memasuki kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) Batu Talam tanpa kebenaran dan membuat provokasi melampau kepada anggota Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) semalam.

Pengarah Perhutanan Negeri Pahang, YH. Dato' Dr. Mohd Hizamri Mohd Yasin ketika dihubungi Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP) berkata, kesemua mereka ditahan dalam Operasi Memusnahkan Kebun Haram Durian di Hutan Simpan Kekal (HSK) Batu Talam di Raub.

"Kesemua 18 orang ini telah ditahan dan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Raub untuk dibuat tahanan reman dan akan disiasat selanjutnya mengikut Akta Perhutanan Negara.

"Sepanjang operasi ini dijalankan, pihak jabatan berdepan dengan keadaan provokasi oleh pekebun haram. Antara tindakan yang mereka lakukan ialah dengan membuat halangan kepada kenderaan jabatan untuk keluar dan masuk ke kawasan ini, serta menghalang anggota dari menjalankan tugas. Oleh itu beberapa laporan polis serta rakaman video telah diserahkan kepada pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk tindakan susulan.

"Pegawai Penyiasat Jabatan akan menjalankan tugas-tugas siasatan selanjutnya bagi memastikan kesemua pekebun haram ini dikenakan tindakan undang-undang yang sewajarnya," katanya.

Beliau berkata operasi ini bertujuan untuk memusnahkan kebun-kebun durian haram yang diusahakan di dalam kawasan hutan simpan kekal berkenaan.

"Operasi yang diadakan ini ialah tertumpu kepada tindakan memusnahkan kesemua tanaman durian yang telah ditanam secara haram oleh pekebun-pekebun ini.

"Disamping itu juga, anggota operasi akan membuat tangkapan ke atas mana-mana individu atau pekebun yang memasuki ke dalam kawasan HSK tanpa kebenaran,

dan akan menyita apa-apa jua barang dan kenderaan yang dibawa bagi apa-apa tujuan ke dalam kawasan HSK.

“Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) bersama-sama Agensi Kerajaan Negeri telah menjalankan Operasi Memusnahkan Kebun Haram Durian yang telah diusahakan oleh Pekebun di sekitar Daerah Raub.

“Operasi ini yang mendapat kerjasama sepenuhnya dari pihak Polis Di Raja Malaysia (PDRM) telah tertumpu disekitar kawasan HSK Batu Talam dengan anggaran keluasan 250 ekar,” katanya. **-PAHANGMEDIA**

Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)

**#MajuTerusPahang
#Pahang1st
#KerajaanNegeriPahang
#PahangGo**

Oleh : Ain Nadhirah Basha

(LIPUTAN BERGAMBAR)



